

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dialami penduduk perumahan Sri Aman, Jinjang. Pembeli rumah di sana dibelenggu isu kebocoran dari merata tempat di dalam dan di luar rumah mereka. Masalah ini berlarutan semenjak mereka pindah masuk pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, PPR Seri Aman ini telah diserahkan oleh pihak KPKT kepada pihak DBKL pada tahun 2017 dan ia merangkumi empat (4) blok melibatkan 1,600 unit.

Isu kebocoran yang berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan sistem kalis air unit serta masalah paip bocor menyebabkan resapan berlaku di luar dan juga di dalam unit-unit pembeli/ penyewa di kawasan tersebut.

Lawatan tapak oleh Datuk Bandar dan Pengurusan Tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah diadakan pada 11 September 2021.

Bagi menyelesaikan masalah ini dari berulang, pihak DBKL telah mengambil beberapa pendekatan termasuk mengubahsuai jajaran paip dalam unit serta sistem kalis air terhadap unit-unit yang terlibat.

Namun begitu, isu kerosakan berulang ini telah menyebabkan kos baik pulih yang tinggi di PPR berkenaan dan DBKL akan komited untuk membaik pulih kerosakan-kerosakan tersebut dan dalam masa yang sama DBKL turut merujuk perkara ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimana sinergi boleh dicapai berkenaan lot tanah hak milik pajakan seperti di Taman Bukit Maluri yang boleh ditukar kepada hak milik kekal atau dilanjutkan hak milik pajakan serta apakah panduan Pejabat Tanah dan Galian dalam menentukan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Segambut, perumahan Taman Bukit Maluri merupakan projek perumahan yang terawal di Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1973. Asalnya tanah ini merupakan tanah estet perladangan getah milik *Edinburgh Rubber Estate*. *Edinburgh Rubber Estate* telah menjual tanah ini kepada Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad dan seterusnya SPKB telah memindah milik tanah ini kepada Syarikat Murni Sendirian Berhad.

Tanah yang terlibat dalam pembangunan Taman Bukit Maluri berasal daripada tanah milik GRN Grant 1417 Lot 153 dan *Certificate of Tittle* 11316, Lot 4026, Mukim Batu. Kedua-dua tanah milik ini berstatus tanah untuk selama-lamanya. Pihak berkuasa negeri telah meluluskan permohonan pembangunan tanah oleh SPKB dan SPKB bersetuju untuk membuat penyerahan keseluruhan tanah menjadi tanah kerajaan dan diberi milik semula mengikut pelan perancangan perumahan Taman Bukit Maluri.

Selain itu, SPKB juga bersetuju bahawa kesan penyerahan keseluruhan tanah miliknya ini menjadi tanah kerajaan dan akan menyebabkan perubahan ke atas status geran tanah daripada milikan kekal selama-lamanya kepada geran tanah bertempoh ataupun pajakan.

Sekiranya pemilik-pemilik tanah perumahan di Taman Bukit Maluri merasakan bahawa tanah milik kediaman mereka sepatutnya berstatus geran tanah untuk selamalamanya yakni freehold maka bolehlah menggunakan saluran perundangan yang ada untuk membuat tuntutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Yayasan Wilayah Persekutuan berfungsi mengikut syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil maklum bahawa semasa **pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 17 November 2020**, PAC telah membuat **pengesyoran** perkara-perkara berikut:-

Para 7.3 : Supaya Kerajaan perlu mengkaji semula fungsi dan kesesuaian Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) selari dengan hasrat penubuhan bagi melindungi kebajikan warga kota Kuala Lumpur. Struktur dan amalan YWP yang sedia ada tidak membolehkan penglibatan Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur tanpa kewujudan konflik kepentingan; dan

Para 7.4 : Status YWP hendaklah diubah menjadi sebuah badan berkanun bagi membolehkan pemantauan yang lebih efektif oleh pihak Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YWP **bukanlah** salah satu agensi **di bawah kawal selia dan tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan**. YWP ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah **Akta Syarikat 2016 [Akta 777]**. Dalam **Memorandum of Association** YWP jelas menyatakan bahawa fungsi dan kesesuaian YWP adalah **selari dengan hasrat penubuhannya** iaitu untuk **melindungi kebajikan** warga kota Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara ini dinyatakan di **Fasal 3** dalam **Memorandum of Association** YWP yang menyatakan bahawa “**Objektif YWP ditubuhkan adalah untuk menerima dan mentadbir dana bagi tujuan membantu meningkatkan kualiti kehidupan orang miskin di Wilayah**

Persekutuan” dengan memberi **capaian** kepada **bantuan kewangan** dan **perkhidmatan asas** yang berkaitan dengan **kebajikan, kesihatan** dan **pendidikan”**.

Justeru itu, bagi **mengelak** wujudnya **konflik kepentingan** YB Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pengerusi YWP, YWP akan hanya **menumpukan** kepada kerja-kerja pendidikan dan **kebajikan** sahaja. Walau bagaimanapun, bagi **usaha mencari dana** bagi **mencapai objektif** YWP, **perniagaan** akan dijalankan oleh **anak-anak syarikat** yang **ditubuhkan** di bawah YWP.

Manakala, mengenai **kedudukan Datuk Bandar Kuala Lumpur** sebagai **Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP**, lantikan itu **bukanlah** secara **automatik** dan bagi **mengelakkan konflik kepentingan**, Datuk Bandar Kuala Lumpur **bukanlah Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP** pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan **syor** supaya YWP dijadikan sebuah **badan berkanun, objektif penubuhan** YWP adalah **jelas** dan **termaktub** di dalam **Memorandum of Association** YWP dan status YWP tidak **perlu diubah** menjadi sebuah **badan berkanun**. Dalam hal ini, **YWP** adalah **tertakluk** kepada **pemantauan** oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia** melalui pengauditan ke atas penyata kewangan tahunan yang diwajibkan di bawah **Seksyen 248 Akta 777**. Ini bertujuan memastikan penyata kewangan YWP mengandungi **rekod hasil, perbelanjaan** dan **transaksi perniagaan** disimpan dengan teratur dan baik.

Selain itu, YWP juga ditubuhkan selaras dengan **penubuhan yayasan negeri-negeri** lain, termasuk Yayasan Selangor yang juga ditubuhkan di bawah Akta 777 dan **dipengerusikan** oleh **Menteri Besar Selangor**.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, **Kementerian Kewangan** menerusi **Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 “Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan”** yang sedang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa sebarang **penubuhan badan berkanun, syarikat berhad menurut jaminan, atau entiti baharu lain adalah tidak dibenarkan**. Ini bagi **mengelakkan bebanan tambahan** kepada **perbelanjaan Kerajaan** yang akan melibatkan implikasi pertambahan perjawatan dan kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

(a) bilangan pemohon PPR di kawasan Kuala Lumpur yang sudah diluluskan dan menunggu rumah serta bilangan pemohon PPR di kawasan Kuala Lumpur yang belum diluluskan; dan

(b) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mereka yang sudah terlebih layak di PPR untuk mengosongkan premis tersebut bagi memberi peluang kepada mereka yang menunggu rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mempertimbangkan 10,138 permohonan dari 2019 sehingga September 2021 untuk menyewa unit perumahan awam juga PPR di keseluruhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 1,654 orang pemohon telah pun diluluskan di mana 686 orang pemohon telah ditawarkan unit perumahan awam dan juga Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL, manakala 968 lagi pemohon yang telah lulus masih lagi menunggu tawaran unit kosong.

Terdapat beberapa faktor kenapa unit-unit kosong masih belum dapat diserahkan kepada 968 orang pemohon yang tersebut. Pertamanya ialah masih lagi terdapat unit-unit yang sedang dibaik pulih di mana unit-unit yang telah diambil semula oleh DBKL daripada penyewa yang sudah tidak mempunyai kelayakan, maka sekarang ini DBKL dalam proses untuk melakukan baik pulih.

Keduanya, wujud penyewa yang telah melepasi kadar kelayakan bagi menduduki unit-unit ini tetapi masih lagi enggan keluar daripada unit yang telah diarahkan keluar dan yang ketiga, tidak ada sebarang projek-projek baharu PPR yang telah siap untuk kita tawarkan kepada penyewa yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian, bagi memastikan pemohon yang masih menunggu unit kosong untuk ditawarkan kepada mereka, DBKL sedang giat melaksanakan penguatkuasaan secara berkala dan bersasar mengikut zon dan kawasan yang telah pun kita kenal pasti. Antara kesalahan biasa yang telah dikenal pasti oleh pihak DBKL juga pihak penguatkuasaan ialah penghuni yang tidak sah.

NO SOALAN: 2

Kemudian, penghuni yang tidak menetap dan yang penting sekali ialah penyewaan semula ataupun sublet, dengan izin, unit kepada pihak ketiga. Kes-kes yang melibatkan ketua penyewa yang terlibat dalam kes-kes dadah, maksiat dan juga menyalahi undang-undang negara juga tidak terkecuali daripada tindakan Unit Penguatkuasaan DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah YTL *batching plant* di Sentul Pasar ini mendapat kelulusan *Environment Assessment*, bagaimana sesuatu projek sebegini diluluskan dalam kawasan perumahan dan padat. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, berpandukan syaratsyarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, cadangan untuk mendirikan tapak Pembancuh Simen Sementara (Separa Tertutup) Bagi Membekalkan Simen Kepada Syarikat Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. di Jalan Sentul, Kuala Lumpur oleh Tetuan Sentul Raya Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan pada 24 September 2013. Kebenaran Mendirikan Bangunan pula telah dikeluarkan pada 15 September 2015.

Kelulusan Environmental Impact Assessment (EIA)

2. Penempatan *batching plant* ini tidak memerlukan kelulusan *Environmental Impact Assessment* atau EIA, dengan izin. Jabatan Alam Sekitar pernah memberi ulasan pembangunan bertarikh 4 Januari 2019 bagi penempatan Loji Konkrit Sementara Separa Tertutup Di Atas Lot 206 & Lot 207, Lorong Timur Off Jalan Sentul, Mukim Kuala Lumpur untuk Tetuan C.I. Readymix Sdn Bhd. Penempatan loji pembancuh simen ini adalah bertujuan bekalan simen cair kepada pembangunan Sentul Raya, Sentul, Kuala Lumpur.
3. Pembangunan loji pembancuh simen ini telah mematuhi keperluan kriteria perancangan dan kehendak teknikal yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Loji Pembancuh Simen (Batching Plant) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015. Berdasarkan kepada garis panduan ini, loji pembancuh simen sementara boleh dibenarkan di dalam tapak bina.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Perintah Pembangunan yang diberikan ini adalah berbentuk terhad dan perlu diperbaharui setiap tahun. Lanjutan Perintah Pembangunan terkini telah pun dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat pada 30 Jun 2021 untuk tempoh sehingga 31 Disember 2021.

Tindakan Sekiranya Terdapat Pelanggaran Kelulusan

5. Salah satu syarat yang dikenakan dalam Perintah Pembangunan Terhad tersebut ialah syarat pematuhan kepada semua kehendak dari Jabatan Alam Sekitar mengenai kawalan pencemaran alam sekitar. Berdasarkan prosedur, pihak Jabatan Alam Sekitar akan membuat pemantauan secara berkala bagi pelepasan habuk dari cerobong berdasarkan Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
6. Oleh yang demikian, sekiranya loji pembancuh simen ini melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan DBKL maka tindakan sita boleh dikenakan.
7. Untuk makluman, sehingga ke hari ini, tiada aduan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan pencemaran daripada operasi Loji Pembancuh Simen di lokasi ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[KEPONG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah peniaga di Kuala Lumpur dan Putrajaya ketika program Zon Bebas Niaga dan pelan jangka panjang bagi program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melaksanakan inisiatif Wilayah Bebas Berniaga bermula pada 15 November 2020 sebagai pelan tindakan jangka pendek bagi membantu warga Wilayah Persekutuan termasuk penjaja yang terjejas punca pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Di bawah inisiatif ini, urusan permohonan Lesen Penjaja dipermudahkan dan menetapkan syarat-syarat permohonan yang mudah dengan syarat penempatan lokasi yang tidak menimbulkan kacau ganggu lalu lintas serta penjagaan kebersihan di kawasan aktiviti penjaja yang dibenarkan.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ingin saya maklumkan bahawa permohonan Lesen Penjaja Sementara Kuala Lumpur Prihatin bagi program Wilayah Bebas Berniaga telah ditutup pada 15 April tahun 2021. Pelesen-pelesen yang telah diluluskan sehingga 31 Julai 2021 dan telah diberi tempoh lanjutan lesen sehingga 31 Disember 2021.

Buat masa ini DBKL sedang dalam proses memuktamadkan program hala tuju Wilayah Bebas Berniaga pada penghujung November 2021. Pihak DBKL sedang dalam proses untuk melakukan penempatan dan penyusunan semula peniaga-peniaga di bawah program ini. Ini adalah bagi memastikan para peniaga ini dapat kita selaraskan susun atur dalam keadaan yang lebih teratur dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi wilayah ataupun kawasan Putrajaya, suka saya maklumkan selaras dengan hala tuju Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya telah menyediakan ruang niaga serta mempermudah urusan permohonan dan kelulusan kepada penjaja kecil sementara ataupun PKS dan usahawan muda kota ataupun UMK bagi membolehkan golongan ini menjana pendapatan demi perniagaan mereka.

Selain daripada itu, pengecualian daripada bayaran lesen juga diberikan bagi membantu penjaja kecil sementara ini. Setakat ini, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebanyak 118 kebenaran untuk menjalankan perniagaan telah dikeluarkan kepada penjaja kecil sementara dan daripada jumlah tersebut sebanyak 22 PKS masih beroperasi dan aktif sehingga kini.

Manakala untuk usahawan muda kota pula, jumlah sasaran lot niaga yang telah dikenal pasti sebanyak 118 dan telah ditawarkan adalah 95 peniaga. Perbadanan Putrajaya juga telah merancang untuk menyediakan 47 lot baharu bagi tahun 2021 dan 2022 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi Tuan Yang diPertua. Saya tidak ambil masa yang panjang. Cuma saya hendak sebut antara pelan jangka panjang pada tahun 2021 dan 2023 ialah Perbadanan Putrajaya, berkaitan dengan penjaja kecil dan usahawan muda kota ini, antaranya - Yang Berhormat Kepong, ialah:

- (i) untuk menaik taraf kawasan penjaja kepada cadangan pembangunan KIOS yang lengkap;
- (ii) mengenal pasti penjaja yang berpotensi dan berdaya saing untuk ditawarkan peluang perniagaan di KIOS atau ruang niaga di bawah Perbadanan Putrajaya; dan
- (iii) mengenal pasti dan mencadangkan beberapa lokasi perniagaan baharu di setiap presint untuk penjaja kecil sementara untuk usahawan muda kota.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan setiap kawasan Parlimen dan perbelanjaan setelah Kerajaan PH ditumbangkan pada awal 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) telah ditubuhkan dengan objektif melaksana, menyelaraskan dan memantau pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi.

Ahli-ahli MPPWP dilantik dan dianggotai oleh individu-individu yang berpengaruh di sesuatu kawasan termasuk wakil persatuan penduduk, wakil *joint management body*, *management corporation* dengan izin, wakil pertubuhan bukan kerajaan, wakil pertubuhan belia, persatuan sukan, wakil persatuan berasaskan aktiviti ekonomi, jawatankuasa masjid, surau, keagamaan dan juga kakitangan kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ahli-ahli MPPWP yang telah dilantik tersebut berperanan sebagai pengantara bagi rakyat dengan kerajaan memandangkan ahli tersebut adalah wakil yang paling dekat dengan rakyat dan merupakan *opinion leaders* yang dihormati dalam kalangan komuniti dan berpengalaman luas dalam aktiviti kemasyarakatan serta mempunyai pengaruh yang baik dalam kalangan masyarakat setempat.

Dalam situasi pandemik wabak COVID-19 juga, MPPWP telah banyak membantu usaha-usaha kerajaan dalam membendung wabak COVID-19 ini serta membantu pihak kementerian dan agensi di dalam menyantuni masyarakat yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini.

Dari sudut peruntukan Tuan Yang di-Pertua, MPP Wilayah Persekutuan telah menerima nilai elaun dan geran yang sama tanpa mengira siapa kerajaan yang memerintah sekalipun. Jumlah peruntukan keseluruhan yang telah disalurkan setakat ini adalah sebanyak RM6.1

NO SOALAN: 8

juta dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan aktiviti, program dan juga pengurusan MPP Wilayah Persekutuan di tiga-tiga wilayah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mengesan pemaju atau sindiket yang menyalahgunakan jenama Residen Wilayah bagi mengelirukan pembeli. Nyatakan statistik pihak yang telah diambil tindakan dan bentuk tindakan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah mewar-warkan kepada orang awam bahawa semua pemohon Residensi Wilayah mesti berdaftar dan memohon melalui Portal Residensi Wilayah, merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Residensi Wilayah.

Walau bagaimanapun, Kementerian dapat mengesan sindiket yang menyalahgunakan jenama Residensi Wilayah setelah mendapat aduan daripada orang awam melalui emel, telefon dan juga orang awam yang datang ke Kementerian.

Dalam rekod Kementerian, terdapat 7 aduan telah diterima sejak tahun 2019 hingga kini berkenaan penyalahgunaan jenama atau iklan palsu Residensi Wilayah. Kementerian telah mengambil tindakan segera dengan mewar-warkan penyalahgunaan tersebut kepada orang awam dengan menggunakan platform media sosial Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani kewujudan akaun media sosial palsu Residensi Wilayah dan aktiviti penipuan secara dalam talian, Kementerian juga mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) selaku pihak berkuasa dan SKMM telah mengambil tindakan segera dengan menurunkan akaunakaun palsu tersebut. Sebagai langkah ke hadapan, bagi sebarang aduan berkaitan kandungan media baharu, Kementerian akan membuat aduan secara terus kepada Jabatan Perlindungan Pengguna SKMM melalui Portal Aduan di pautan aduan.skmm.gov.my atau melalui emel kepada aduanskmm@mcmc.gov.my. Koordinasi secara bersepadu antara KWP dan SKMM akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan platform internet dan media sosial bebas daripada kandungan negatif.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kementerian ini juga pernah menerima aduan berkenaan sindiket penipuan yang menawarkan rumah mampu milik dengan harga yang rendah menggunakan logo Kementerian dan logo RUMAWIP sehingga mengelirukan pembeli. Sindiket ini juga mengeluarkan surat tawaran palsu dengan menggunakan kepala surat Kementerian dan tandatangan pegawai yang palsu. Sindiket ini telah mengakibatkan kerugian kepada mangsa yang tertipu.

Kementerian telah mengambil tindakan dengan mewar-warkan sindiket ini melalui kenyataan media yang menegaskan bahawa sebarang permohonan Residensi Wilayah hanya boleh dimohon melalui portal rasmi Residensi Wilayah iaitu di alamat residensiwilayah.kwp.gov.my. Mana-mana individu yang berminat untuk membeli Residensi Wilayah perlu membuat permohonan melalui portal rasmi Residensi Wilayah. Segala urusan permohonan adalah melalui janaan sistem dan atas talian. Notifikasi tawaran juga akan dihantar melalui emel yang didaftarkan oleh pemohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 bagi melindungi kepentingan pembeli dan pematuhan peraturan di bawah Akta 118, tiada sebarang bentuk kutipan wang boleh dilakukan oleh pemaju daripada pemohon termasuklah kutipan yuran komitmen sebelum menandatangani perjanjian jual beli.

Kementerian juga telah menasihatkan pemohon bahawa sebarang aduan berkaitan kutipan bayaran juga boleh dikemukakan terus kepada Sistem Aduan Bersepadu Jabatan Perumahan Negara di laman sesawang aduan.kpkt.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyediakan kawasan baharu untuk Tanah Perkuburan Bukan Islam di Kuala Lumpur bagi menampung kekurangan/ketiadaan lot yang difahamkan semuanya telah penuh terutamanya golongan Kristian dengan menyatakan adakah terdapat perbincangan di antara Kerajaan dan Majlis Agama Bukan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, berdasarkan unjuran penduduk yang diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) telah menetapkan keperluan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur adalah sebanyak 49.8 hektar atau 123.05 ekar. Mengambil kira kepadatan penduduk di Kuala Lumpur yang dianggarkan meningkat ke jumlah 2.2 juta, ingin saya maklumkan bahawa sehingga kini, jumlah keluasan tanah perkuburan bukan Islam yang telah tersedia di Kuala Lumpur adalah sebanyak 246.01 hektar atau 607.9 ekar, melebihi daripada unjuran asal yang kita sasarkan.

Selaras dengan penetapan dasar PSKL2020, iaitu di bawah inisiatif Nombor 23 di bawah tajuk *Community Facility*, dengan izin, DBKL akan:

“...melalui perundingan dengan agensi berkaitan, merancang dan memastikan penyediaan tanah perkuburan mencukupi di peringkat Kuala Lumpur dan konurbasinya”

Sehubungan dengan penetapan dasar tersebut, maka DBKL telah merancang untuk menyediakan Tanah Perkuburan Secara Bersepadu di Semenyih dengan anggaran keluasan 134 hektar.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perbincangan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu “di antara Kerajaan dan Majlis Agama Bukan Islam”, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut-Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam**. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI Selain Islam terdiri daripada:

- i. Kristian - 4 wakil;
- ii. Budha - 4 wakil;

- iii. Hindu - 2 wakil;
- iv. Sikh - 1 wakil;
- v. Tao - 2 wakil; dan
- vi. Baha'i - 1 wakil.

Jawatankuasa HARMONI Selain Islam ditubuhkan bagi **memantapkan iklim perhubungan yang baik** dalam **kalangan pemimpin** serta **penganut pelbagai agama selain Islam berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat.**

Sehingga kini, **perbincangan Jawatankuasa Harmoni** adalah **tertumpu kepada penyediaan SOP bagi aktiviti di rumah ibadat selain Islam** di samping **urusan bantuan pengurusan mayat bukan Islam.** **Jawatankuasa ini tidak pernah membincangkan isu-isu berkaitan tanah perkuburan bukan Islam memandangkan hal ehwal tanah adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauh mana dunia bisnes dan perdagangan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terjejas akibat pandemik COVID19 dan usaha untuk pemulihan sepenuhnya dan apakah bantuan Kerajaan kepada pengusaha yang terkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, perniagaan dan perdagangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih kukuh meskipun negara kita teruk dilanda wabak COVID-19 sejak bulan Mac 2022 lalu.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memudahkan urusan warga peniaga dan penjaja di Kuala Lumpur untuk mereka melaksanakan aktiviti kelangsungan hidup melalui inisiatif-inisiatif seperti :

1. Pengecualian Bayaran Fi Lesen Perniagaan di Kuala Lumpur dari Jun – Disember 2021; dan
2. Pengecualian Bayaran Sewa Tapak Penjaja di Kuala Lumpur dari Jun – Disember 2021.

Bagi Premis perniagaan pula, antara inisiatif yang telah kita laksanakan adalah seperti berikut :

1. Pengecualian fi pembaharuan lesen perniagaan bagi aktiviti yang terjejas iaitu aktiviti sukan dan rekreasi selama enam (6) bulan bagi tahun 2021-2022;
2. Kemudahan bayaran fi lesen secara suku tahun (3 bulan), separuh tahun (6 bulan) dan bayaran penuh (setahun) bergantung kepada permohonan dan tempoh lesen mengikut fi lesen yang dibayar; dan
3. Bayaran cagaran lesen perniagaan secara ansuran mengikut jadual.

Di samping itu juga, Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga diberikan kepada pemegang Lesen Penjaja KL Prihatin iaitu mereka yang terkesan pedapatan akibat Covid-19. Lesen tersebut adalah percuma dari 15 November 2020 hingga 31 Disember 2021.

Bagi waktu operasi pula, kita berpandukan kepada dasar-dasar berkaitan pelaksanaan waktu operasi aktiviti perniagaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepertimana yang telah ditetapkan dalam Prosidur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga akan dilanjutkan pada tahun 2022 secara minima 6 bulan tertakluk kepada garis panduan DBKL. Ini akan memastikan kemudahan ini disediakan bagi warga Wilayah Persekutuan untuk mendapat rezeki sepanjang negara pulih ekonomi dari impak Covid-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cadangan perancangan landskap di kawasan Parlimen Kepong dan kos terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2022, Pihak DBKL telah merancang untuk melaksanakan tiga (3) projek di Parlimen Kepong seperti yang berikut :

- a) Pembinaan Papan Tanda Taman, Pondok Pengawal, Arbor, Laman Taichi dan Laluan Basikal di Taman Tasik Metropolitan Kepong;
- b) Pembangunan Landskap di Lot 80638, Jalan Besar, Kepong; dan;
- c) Projek Penanaman dan Penggantian Pokok Teduhan serta Pengindahan Landskap di sekitar Kuala Lumpur.

Untuk makluman, ketiga-tiga projek ini akan melibatkan kos yang dianggarkan sebanyak RM1,000,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cadangan perancangan landskap di ibu kota Kuala Lumpur dan kos terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2022, Pihak DBKL telah merancang beberapa projek landskap di sekitar Ibu Kota Kuala Lumpur untuk dilaksanakan yang mana ianya akan melibatkan pembangunan 'pocket park', pembangunan kawasan lapang serta kawasan hijau dan penanaman pokok serta penghijauan dengan anggaran kos RM 14 Juta.

Antara kawasan-kawasan bagi pembangunan 'pocket park' ialah seperti di Ruang Terbuka Hotel Imperial Kuala Lumpur, Jalan Gading (Bukit Bintang) dan Pembinaan Pilot Projek Pocket Park Low Carbon (Jalan Esfahan). Bagi Pembangunan kawasan lapang untuk projek landskap pula ialah di kawasan lapang Jalan Wangsa Melawati 4 dan di atas Lot 29860, Jalan Wangsa Delima 8 serta di atas Lot 28047, Jalan 5/27 A, Wangsa Maju. Selain itu, terdapat juga perancangan pembangunan kawasan hijau iaitu Projek Cadangan Pembangunan Menaiktaraf Landskap Kawasan Hijau di atas Lot 480919, Jalan 1/112E Kuala Lumpur serta pembangunan kawasan-kawasan hijau sekitar Kuala Lumpur yang telah direzabkan sebagai kawasan lapang. Bagi projek Penanaman dan Penggantian Pokok Teduhan dan Pengindahan Landskap pula, ianya akan melibatkan beberapa kawasan. Sasaran penanaman pokok pada tahun 2022 ialah sebanyak 100,000 batang pokok (termasuk pokok renek).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan pemohon yang ingin menyewa unit PPR yang telah berdaftar dengan DBKL sehingga hari ini. Nyatakan unit PPR yang masih kosong.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mempertimbangkan sebanyak **10,138** permohonan dari tahun 2019 sehingga September 2021 untuk menyewa unit PA/ PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak **1,654 pemohon** telah diluluskan di mana **686 pemohon** telah ditawarkan unit Perumahan Awam (PA) / Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah DBKL manakala **968 pemohon** yang lulus masih menunggu tawaran unit kosong.

Antara sebab unit-unit kosong masih belum dapat diserahkan kepada 968 pemohon tersebut adalah kerana:

1. Terdapat unit-unit yang sedang dibaik pulih,
2. Penyewa yang telah melepasi kadar kelayakan enggan keluar,
3. Tiada projek baharu yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sekian, terima kasih.